



**AGENSII PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220801 (*Kawalan Keselamatan Perlu Lesen KDM*) bagi menyertai sebut harga tersebut :

No Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran
APMM/014/2014	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Tapak Radar (RSS) Kemarung, Langkawi, Kedah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.	220801

1. Dokumen-dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun daripada laman web ePerolehan (www.ePerolehan.gov.my). Arahan Kepada Penyebut Harga adalah seperti di Lampiran A. Penyebut harga adalah diminta untuk menyemak dan meneliti spesifikasi serta syarat-syarat lain yang dinyatakan sebelum menawarkan harga.
2. Lawatan tapak akan diadakan pada **03 April 2014, jam 10.00 pagi** di **Tapak Radar (RSS) Kemarung, Bukit Tanjung Kemarung, Jalan Tanjung Rhu, Mukim Ayer Hangat, 07000 Langkawi, Kedah** (*Berkumpul di Jeti Tanjung Rhu untuk ke RSS Kemarung dengan menaiki bot). Penyebut harga adalah **diwajibkan** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak tersebut. Sebarang maklumat tambahan jika diperlukan sila hubungi **BK (M) FakhruI Razi bin Yakoob** di talian **04-9662712/012-94008244**.
3. Tawaran ePerolehan adalah wajib dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan dokumen-dokumen berkenaan dimuat-naik ke sistem ePerolehan **tidak lewat pada 10 April 2014 jam 12.00 tengah hari**.
4. Dokumen tawaran yang perlu dihantar secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di:-

Pejabat Sistem Pengawasan Maritim (Laut)
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Iskandar Shah
32200 Lumut
Perak

tidak lewat pada 10 April 2014 jam 12.00 tengah hari.

5. Sila lihat **Lampiran E** untuk memastikan dokumen-dokumen yang perlu dihantar dan dimuat naik.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Kadar 0.8% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one off payment).

Kadar 0.4% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM4,800.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) samada melalui Jadual Penghantaran, Pencapaian Perkhidmatan atau berdasarkan permintaan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.